



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2010
UKUR BAHAN**

KOD : PTU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 23 OGOS 2010

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dkekalkan dalam bahasa aslinya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tidak menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

a) Berikan had kewangan bagi perolehan kerja berikut:

- i) Tender
- ii) Sebut harga
- iii) Kerja Undi
- iv) Kerja Kecemasan
- v) Pembelian Runcit

(10 markah)

b) Berikan perbezaan daripada aspek penglibatan kontraktor bagi tender-tender berikut:

- i) Tender Terbuka
- ii) Tender Terpilih
- iii) Tender Rundingan Terus

(6 markah)

c) Berikan **dua (2)** kebaikan tender terbuka.

(4 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan proses kerja bagi pelaksanaan Tender Terbuka bermula dari peringkat Penyediaan Kos Awalan (*PDA*) sehingga pengedaran Surat Setuju Terima Tender.

(10 markah)

- b) Senaraikan butiran yang perlu dinyatakan di dalam sesuatu iklan bagi tender kerja.

(5 markah)

- c) Nyatakan tempoh minimum bagi iklan projek tender terbuka (tempatan) dan bilangan akhbar tender tersebut perlu diiklankan.

(5 markah)

SOALAN 3

- a) Terangkan secara ringkas proses kerja yang perlu dilaksanakan setelah mendapat keputusan Lembaga Perolehan atau kelulusan Perbendaharaan sebelum Surat Setuju Terima Tender dikeluarkan bagi projek Peruntukan Persekutuan.

(4 markah)

- b) Nyatakan tempoh sah laku (*validity period*) bagi perkara-perkara berikut:

- i) Jaminan Bon Pelaksanaan
- ii) Jaminan Bayaran Pendahuluan
- iii) Insurans Kerja (*Insurance Of Works*)
- iv) Insurans Tanggungan Awam (*Public Liability Insurance*)

(8 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- c) Berikan **dua (2)** sebab pelarasan kadar harga tender yang berjaya perlu dibuat sebelum kontrak ditandatangani.

(4 markah)

- d) Berikan **dua (2)** perbezaan kandungan dokumen kontrak berasaskan *Lump Sum* dengan dokumen kontrak berdasarkan Senarai Kuantiti.

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203A-Pindaan 2007, nyatakan definisi Perubahan Kerja dan huraikan.

(10 markah)

- b) Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi melaksanakan Perubahan Kerja sehingga perubahan harga atau kerja dimuktamadkan.

(6 markah)

- c) Nyatakan kaedah yang digunapakai semasa menilai perubahan kerja berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203A – Pindaan 2007.

(4 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan **lima (5)** sebab yang membolehkan lanjutan masa kontrak diberikan mengikut syarat-syarat kontrak JKR 203/203A – Pindaan 2007.
(10 markah)
- b) Nyatakan **tiga (3)** sebab yang membolehkan kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan disebabkan lanjutan masa atas arahan Pegawai Penguasa.
(6 markah)
- c) Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa sekiranya Tempoh Siap Kontrak yang dibenarkan telah tamat sedangkan kerja belum siap dan beri sebab-sebab lanjutan masa tidak dapat dipertimbangkan.
(4 markah)

SOALAN 6

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Penyiapan Kerja dan bilakah penyerahan projek boleh dilaksanakan?
(4 markah)
- b) Berikan takrifan bagi setiap perkara berikut dan kesannya terhadap Ganti rugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) jika ada:
- i) Penyiapan Kerja Keseluruhan
 - ii) Penyiapan Kerja Berbahagian-bahagian
 - iii) Pendudukan Separa
- (12 markah)
- c) Apakah kebaikan penyiapan kerja berbahagian-bahagian kepada kontraktor dan kepada pelanggan?
(4 markah)

SOALAN 7

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan kecacatan selepas siap?
(5 markah)
- b) Bilakah bermulanya Tempoh Kecacatan?
(5 markah)
- c) Dalam kontrak kerja secara konvensional, Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu ditambah 3 bulan 14 hari. Terangkan secara ringkas tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa dan kontraktor dalam tempoh tersebut jika terdapat kecacatan.
(5 markah)
- d) Apakah tindakan Pegawai Penguasa sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja memperbaiki kecacatan dalam tempoh yang telah ditetapkan?
(5 markah)

SOALAN 8

- a) Berikan keterangan ringkas berhubung dengan tujuan dan **dua (2)** perbezaan di antara perkara-perkara berikut:
- i) *Preliminaries Detailed Abstract (PDA)*
 - ii) *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)*
 - iii) *As Completed Detailed Abstract (ACDA)*
- (15 markah)
- b) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya kos ATDA melebihi kos PDA atau siling yang telah ditetapkan?
(5 markah)

SOALAN 9

- a) Senaraikan perkara-perkara yang terkandung dalam dokumen tender konvensional secara terbuka berdasarkan senarai kuantiti.

(10 markah)

- b) Nyatakan apakah tujuan setiap satu item di bawah ini disertakan oleh kontraktor sebagai dokumen sokongan apabila mengemukakan dokumen tender semasa tutup tender?

- i) Lembaran Imbangan Syarikat
- ii) Laporan kerja semasa dan projek yang telah siap
- iii) Kemudahan kredit yang diperolehi oleh syarikat dari mana-mana Institusi Kewangan
- iv) Keempunyaan loji dan peralatan
- v) Salinan Sijil Pendaftaran dan taraf bumiputera

(10 markah)

SOALAN 10

- a) Berikan **lima (5)** faktor yang perlu diambilkira dalam membuat anggaran jabatan bagi sesuatu projek.

(5 markah)

- b) Berikan **lima (5)** komponen yang perlu diambilkira dalam menyediakan kadar harga sesuatu item.

(5 markah)

- c) Nyata dan huraikan **lima (5)** kaedah yang boleh digunakan dalam membuat anggaran jabatan.

(10 markah)
